

Oleh Lizam Ridzuan
lizamridzuan@hmetro.com.my

Petaling Jaya

AIA General Berhad, anak syarikat AIA Berhad melancarkan produk utamanya dikenali sebagai *Family Drive*, pelan insurans kenderaan yang memberikan perlindungan menyeluruh kepada semua penumpang.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Eric Chang berkata, pelan itu juga menawarkan diskaun untuk kenderaan lain yang dimiliki ahli keluarga.

"Selepas melakukan kaji selidik pasaran, antara kebimbangan utama pelanggan ialah keselamatan serta kesulitan yang berlaku ketika kemalangan jalan raya dan *Family Drive* dihasilkan bagi memenuhi keperluan mereka untuk pengalaman memandu tanpa bimbang," katanya pada majlis pelancaran pelan itu di sini, semalam.

Family Drive juga adalah insurans kenderaan komprehensif yang memberi perlindungan asas terhadap kerugian serta kerosakan sendiri atau pihak ketiga dengan ciri unik direka khas untuk kelebihan setiap pelanggan.

Antara kelebihan yang ditawarkan adalah perlindungan kemalangan diri dan setiap individu

“
Family Drive
dihadarkan bagi
memenuhi
keperluan memandu
tanpa bimbang
Eric Chang

Insurans menyeluruh

AIA lancar Family Drive, tawar diskaun



ERIC (kiri) melancarkan *Family Drive*.

yang menaiki kereta diinsuranskan secara automatik sehingga RM250,000, eluan kesulitan sebanyak RM600 jika kenderaan perlu dibaiki di bengkel dan fungsi simpanan melalui Diskaun Keluarga sebanyak lima peratus.

Selain itu, pemegang polisi juga boleh membuat perlindungan tambahan termasuk per-

lindungan nilai dipersetuju terhadap penyusutan nilai kereta, manfaat kos penambahbaikan untuk alat ganti asli dan bencana alam seperti banjir, ribut atau tanah runtuh.

"Inovasi pelan dan polisi insurans seperti ini mencabar keupayaan kami untuk membangunkan produk bagi memenuhi kepelbagaiannya keperluan, namun sebagai entiti baru kami yakin ia memiliki ciri berdaya saing untuk terus menyumbang dalam industri insurans am di negara ini," ka-

tanya.

Katanya, *Family Drive* juga ditawarkan dengan AIA Road Assist iaitu perkhidmatan nilai tambah seperti penggantian bateri atau tayar beroperasi 24 jam sehari selama tujuh hari seminggu serta bantuan laporan polis dengan baucar e-hailing disediakan.

Pengecualian lebihan juga diberikan kepada pelanggan yang membaiki kenderaan di bengkel panel AIA dengan kos pembaikan ditanggung sepenuhnya oleh AIA.